

**KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENYEDIAAN DAN PEMBEKALAN MAKANAN DAN MINUMAN (SET KAMBING GOLEK) UNTUK MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2026
KOLEJ POLY-TECH MARA BANGI**

1. Harga yang ditawarkan di dalam Ringkasan Sebutharga ini hendaklah mengambil kira semua perkara yang dijelaskan di dalam Arahan Kepada Petender, Spesifikasi, Skop Kerja dan Syarat-syarat Am Sebutharga.
2. Sebelum pelaksanaan kerja perkhidmatan penyediaan dan pembekalan makanan serta minuman, pembekal/syarikat hendaklah memahami dan mematuhi perkara-perkara berikut bagi mengelakkan salah tafsiran terhadap skop kerja sama ada yang dinyatakan atau tidak dinyatakan:
 - a. Semua kerja yang berkaitan dengan penyediaan, penghantaran, penyusunan, dan penyajian makanan serta minuman di kawasan majlis hendaklah dilaksanakan dengan kemas, teratur, bersih dan berhati-hati bagi mengelakkan sebarang kerosakan atau pencemaran terhadap makanan, peralatan jamuan dan kawasan dewan.
 - b. Semua makanan dan minuman yang dibekalkan hendaklah:
 - i. Dimasak segar pada hari majlis, berada dalam keadaan bersih, selamat dan halal mengikut piawaian kebersihan makanan (Food Hygiene Regulations).
 - ii. Tidak basi, tidak tercemar dan disediakan oleh kakitangan yang sihat serta berpakaian kemas.
 - iii. Dihidangkan pada suhu yang sesuai (makanan panas kekal panas, makanan sejuk disimpan dengan ais atau pendingin).
 - iv. Setiap hidangan hendaklah mencukupi mengikut bilangan tetamu (pax) yang ditetapkan dalam dokumen sebutharga.
 - c. Semua peralatan seperti pinggan, sudu, cawan, gelas, mangkuk, meja, dome set dan linen meja hendaklah disediakan oleh pembekal dan berada dalam keadaan bersih, lengkap dan berfungsi baik. Peramu saji hendaklah hadir awal, berpakaian seragam kemas, berdisiplin dan berpengalaman dalam pengendalian majlis rasmi. Kawasan jamuan perlu dibersihkan semula sepenuhnya selepas majlis tamat.
 - d. Penyediaan jadual masa, susun atur jamuan dan pelan perkhidmatan hendaklah disahkan terlebih dahulu oleh pegawai penguasa KPTM Bangi sebelum majlis bermula. Sebarang perubahan menu, kuantiti atau masa perkhidmatan hendaklah mendapat kelulusan bertulis daripada pihak kolej.
3. Kualiti dan Ketulenan Perkhidmatan - Semua bahan mentah yang digunakan hendaklah halal, segar dan berkualiti tinggi. Sekiranya pembekal/syarikat tidak dapat menyediakan mana-mana item seperti dalam spesifikasi menu, pembekal hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada pegawai penguasa untuk mendapatkan kelulusan sebelum sebarang penggantian dibuat. Nilai menu gantian hendaklah sama nilai atau lebih tinggi daripada menu asal yang disenaraikan

dalam borang sebutharga, dan pembekal tidak dibenarkan membuat tuntutan tambahan atas sebarang penggantian tersebut.

4. Kepatuhan Keselamatan & Kesihatan Makanan – Pembekal hendaklah memastikan semua aktiviti penyediaan makanan mematuhi piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan peraturan Akta Makanan 1983 serta Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. Semua pekerja yang terlibat hendaklah mempunyai Sijil Latihan Pengendali Makanan yang sah.
5. Pihak pembekal bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang aduan, kerosakan atau kehilangan peralatan, serta isu keselamatan makanan sepanjang tempoh perkhidmatan. Sekiranya berlaku sebarang ketidakpatuhan, pihak KPTM berhak menolak perkhidmatan atau membuat potongan bayaran.

**KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENYEDIAAN DAN PEMBEKALAN MAKANAN DAN MINUMAN
(SET KAMBING GOLEK) UNTUK MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2026 KOLEJ POLY-
TECH MARA BANGI**

Harga yang ditawarkan didalam dokumen ini hendaklah mengambil kira perkara-perkara yang dijelaskan di dalam arahan kepada Pembekal/Syarikat, spesifikasi, bidang kerja dan syarat-syarat am sebutharga.

Bil	Perkara	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Harga (RM)
1.0	KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENYEDIAAN DAN PEMBEKALAN MAKANAN DAN MINUMAN (SET KAMBING GOLEK) UNTUK MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2026 KOLEJ POLY-TECH MARA BANGI				
1.0	SYARAT AM				
1.1	Syarikat yang hendak menyertai sebutharga ini hendaklah terdiri daripada syarikat bertaraf Bumiputera dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang: 040103 – Makanan Bermasak (Islam)	Pukal	Pukal	_____	_____
2.0	PENYEDIAAN DAN PEMBEKALAN MAKANAN DAN MINUMAN BERMASAK Tarikh: 1 April 2026 Masa: 8.30 petang – 5.30 petang Tempat: Perkarangan Blok E				
2.1	SET KAMBING GOLEK i. Sos Black Pepper ii. Coleslaw iii. Mash Potato	Ekor	20	_____	_____
2.2	Peramu Saji - 8 orang (beruniform kemas, berpengalaman dalam perkhidmatan majlis rasmi)	Pukal	Pukal	_____	_____
2.3	Susun Atur - Meja buffet dan minuman diatur mengikut standard majlis rasmi, lengkap dengan linen, skirting dan peralatan jamuan	Pukal	Pukal	_____	_____
2.4	Pembersihan - Kawasan jamuan dibersihkan selepas majlis tamat	Pukal	Pukal	_____	_____

Bil	Perkara	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Harga (RM)
2.5	Peralatan - Semua peralatan jamuan (pinggan, cawan, sudu, garpu, mangkuk, dll.) disediakan oleh pembekal	Pukal	Pukal	_____	_____
2.0	SYARAT AM PERBEKALAN 2.1 Semua makanan, minuman, peralatan hidangan dan kelengkapan yang digunakan atau dibekalkan hendaklah baharu (brand new), berkualiti tinggi, tulen (genuine), bersih, dan boleh digunakan dengan baik tanpa sebarang kecacatan, kerosakan atau masalah fungsi. 2.2 Sekiranya terdapat sebarang makanan, minuman atau peralatan jamuan yang rosak, tercemar, tidak sesuai dihidangkan, atau tidak berfungsi dengan sempurna, pihak pembekal hendaklah menggantikannya dengan kadar segera tanpa menjejaskan perjalanan majlis. 2.3 Sebarang reka bentuk, tema hiasan, susun atur meja buffet, skirting meja, linen, warna peralatan atau gaya penyajian yang digunakan dalam jamuan hendaklah mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada Pegawai Penguasa KPTM Bangi bagi memastikan keseragaman dengan protokol dan imej rasmi majlis. 2.4 Pembekal hendaklah memastikan semua bahan mentah yang digunakan adalah halal dan disahkan oleh pihak berkuasa berwajib, serta mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009. 2.5 Semua kerja penyediaan, penghantaran dan penyajian makanan hendaklah dilaksanakan oleh kakitangan yang berpengalaman, berpakaian kemas, sihat tubuh badan dan memiliki Sijil Pengendali Makanan yang sah.				

Bil	Perkara	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Harga (RM)
	2.6 Sebarang perubahan terhadap menu, bilangan hidangan, masa perkhidmatan atau susun atur jamuan selepas pengesahan awal hendaklah dimaklumkan dan diluluskan secara bertulis oleh pihak KPTM Bangi. 2.7 Pihak pembekal bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kebersihan, keselamatan makanan, peralatan dan kawasan majlis sepanjang tempoh penyediaan hingga selesai majlis. Sekiranya berlaku kecuaian, pihak KPTM Bangi berhak membuat potongan bayaran atau menolak perkhidmatan tersebut.				
3.0	TEMPOH PENGHANTARAN DAN JAMINAN KUALITI 3.1 Penghantaran barang/peralatan ini dapat dilaksanakan dalam tempoh _____ hari dari tarikh kelulusan perolehan. 3.2 Jaminan kualiti barang/peralatan yang dihantar adalah selama _____ bulan.				
4.0	TEMPOH SAHLAKU SEBUTHARGA Semua catatan harga dalam dokumen ini hendaklah sah selama 90 hari dari tarikh tutup sebutharga.				
5.0	PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB i. Pn. Farahida: 012-317 1115 ii. Cik Farhana: 013-699 4609				
6.0	PEGAWAI PENGUASA KOLEJ Pengarah KPTM Bangi				

NO. SEBUTHARGA : KPTM/SH/BG/2026/UPK-027

TARIKH TUTUP : 12 MAC 2026

JAM 12.00 TGH HARI

Bil	Perkara	Unit	Kuantiti	Kadar (RM)	Harga (RM)
KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENYEDIAAN DAN PEMBEKALAN MAKANAN DAN MINUMAN (SET KAMBING GOLEK) UNTUK MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2026 KOLEJ POLY-TECH MARA BANGI					
JUMLAH HARGA TAWARAN KESELURUHAN (RM)					
(Ringgit Malaysia : _____)					
_____)					

NAMA SYARIKAT & COP :

TANDATANGAN :

NO. PENDAFTARAN SYARIKAT (SSM) :

NO. TIN (LHDN) :

NAMA PEGAWAI :

NO. TELEFON :

TARIKH :

*Penghantaran sebutharga dengan menggunakan letterhead syarikat beserta cop/mohor syarikat
ADALAH DIWAJIBKAN

NOTA PENTING

1. Pembekal/Syarikat hendaklah memastikan semua makanan, minuman dan peralatan jamuan yang dibekalkan berada dalam keadaan baik, bersih, kemas dan bebas daripada sebarang kerosakan fizikal seperti pecah, calar, karat atau tanda-tanda penggunaan semula.
2. Kekemasan, keselamatan dan kebersihan kawasan dewan jamuan semasa kerja penyediaan, penghantaran dan penyajian amat dititikberatkan. Tiada sebarang gangguan, kekotoran atau tumpahan makanan/minuman dibenarkan di kawasan majlis.
3. Semasa kerja penyediaan dan penyusunan dijalankan, meja, permaidani, hiasan dewan, sistem audio, elektrik dan peralatan sedia ada hendaklah dikawal serta dilindungi daripada sebarang kerosakan akibat kecuaiannya pekerja atau pergerakan peralatan jamuan.
4. Sekiranya berlaku kerosakan terhadap mana-mana harta benda kolej atau peralatan dewan disebabkan oleh pekerja pembekal/syarikat, pembekal hendaklah memperbaiki atau mengganti semula item tersebut dengan segera tanpa sebarang kos tambahan kepada pihak kolej.
5. Pembekal/Syarikat hendaklah memastikan semua bahan mentah, makanan siap, peralatan dan dokumen penghantaran dikawal dengan baik bagi mengelakkan sebarang kehilangan, pencemaran atau kecurian semasa proses penyediaan, penghantaran dan penyajian.
6. Sekiranya berlaku kehilangan, kerosakan atau pencemaran makanan dan peralatan jamuan semasa dalam kawalan pembekal, maka pembekal/syarikat bertanggungjawab sepenuhnya menggantikan atau menyediakan semula makanan tersebut dengan yang baharu dan setara nilainya.
7. Pembekal/Syarikat hendaklah memastikan semua pekerja penyediaan dan perkhidmatan jamuan dilindungi dengan perlindungan insurans yang mencukupi, termasuk:
 - i. Insurans Kemalangan Diri dan Kerosakan Harta Benda (Insurance Against Personal Injuries and to Property)
 - ii. Pampasan Pekerja (Workmen Compensation)
 - iii. Insurans Kerja (Insurance of Works)
8. Sekiranya penyediaan atau penghantaran makanan melibatkan kawasan awam, laluan utama atau pintu masuk dewan, pembekal hendaklah menyediakan langkah keselamatan sementara seperti penandaan kawasan, papan tanda amaran atau penghadang bagi mengelakkan kemalangan kecil atau gangguan kepada pergerakan tetamu.
9. Pembekal/Syarikat hendaklah memastikan semua sisa makanan, bahan pembungkus, plastik, kotak dan bahan buangan lain dibuang ke tempat pelupusan yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan tidak ditinggalkan di kawasan dewan selepas majlis tamat.
10. Pembekal/Syarikat yang berjaya hendaklah menyediakan sampel makanan dan minuman (food tasting) kepada pihak Pegawai Penguasa KPTM Bangi bagi tujuan semakan dan kelulusan menu sebelum hari majlis, sekiranya diminta.

11. Pembekal/Syarikat hendaklah menyediakan tenaga kerja yang kompeten dan berpengalaman dalam bidang penyediaan makanan, pengurusan jamuan dan protokol majlis rasmi, termasuk peramu saji yang mahir dan berdisiplin.
12. Jika pembekalan melibatkan penggunaan peralatan elektrik sementara (contohnya dispenser minuman, pemanas, atau mesin ABC), pembekal hendaklah melantik pegawai teknikal atau kru logistik yang berkelayakan untuk memastikan pemasangan, pengujian dan penggunaan dilakukan dengan selamat dan mengikut piawaian elektrik yang sah.
13. Pembekal/Syarikat hendaklah mematuhi sepenuhnya Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (Akta 514) serta mana-mana undang-undang lain yang berkaitan semasa melaksanakan perkhidmatan penyediaan, penghantaran dan penyajian makanan di premis KPTM Bangi.
14. Sebarang kemudahan kolej seperti troli, lif barang, ruang simpanan atau sumber elektrik sementara yang digunakan oleh pembekal adalah atas tanggungan sendiri dan dalam keadaan "as is".
15. Pihak KPTM Bangi tidak memberi sebarang jaminan bahawa kemudahan yang disediakan adalah sesuai atau serasi dengan peralatan pembekal, dan tidak akan menanggung sebarang kerosakan, gangguan operasi atau kehilangan yang berpunca daripada penggunaannya.
16. KPTM Bangi tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerosakan atau kehilangan peralatan milik pembekal/syarikat, atau kecederaan yang dialami oleh pekerja, wakil atau pelawat pembekal semasa proses persediaan, penghantaran dan penyajian jamuan.
17. Jika perkhidmatan jamuan melibatkan penggunaan peralatan elektrik atau sistem kawalan sementara (contohnya lampu, penyejuk, pemanas air, mesin minuman), pembekal hendaklah memastikan pematuhan terhadap garis panduan keselamatan yang dikeluarkan oleh:
 - i. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
 - ii. Suruhanjaya Tenaga Malaysia (ST)
 - iii. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)
 - iv. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
18. Segala penggunaan bahan, peralatan dan penyediaan jamuan hendaklah mematuhi:
 - i. Spesifikasi dan piawaian teknikal yang ditetapkan oleh KPTM Bangi
 - ii. Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009
 - iii. Standard dan Kod Amalan (Codes of Practice) terkini yang dikeluarkan oleh SIRIM atau Jabatan Standard Malaysia.

SURAT AKUAN PEMBIDA / PETENDER

BAGI

NO. SEBUTHARGA : KPTM/SH/BG/2026/UPK-027

KERJA-KERJA PERKHIDMATAN PENYEDIAAN DAN PEMBEKALAN MAKANAN DAN MINUMAN (SET KAMBING GOLEK) UNTUK MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2026 KOLEJ POLY-TECH MARA BANGI

Saya, _____ nombor K.P _____ yang mewakili _____ dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Kolej Poly-Tech MARA** atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga / tender seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa* bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Kolej Poly-Tech MARA** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga / tender seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil :

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi sebut harga di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi sebut harga di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan / KPTM yang berkuat kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam sebut harga / tender seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

Nama :

No. K/P :

Cop Syarikat :

* Wakil syarikat yang menandatangani bagi pihak syarikat dikehendaki mengemukakan Surat Perwakilan Kuasa
(**Lampiran**)

KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DAN TIPUAN BIDA DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KPTMSB

Versi Bahasa Kebangsaan

“PENAMATAN DISEBABKAN OLEH RASUAH, TIPUAN BIDA, AKTIVITI HARAM ATAU AKTIVITI YANG MENYALAHUI UNDANG-UNDANG ATAU TIPUAN BIDA

- a) Tanpa prasangka kepada apa-apa hak lain KPTMSB, sekiranya [Syarikat / Kontraktor], kakitangan, pengkhidmat atau pekerjaanya disabitkan oleh Mahkamah atas kesalahan rasuah atau aktiviti haram atau aktiviti yang menyalahi undang-undang atau didapati melakukan pelanggaran larangan tipuan bida di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] yang berkaitan dengan Perjanjian ini atau apa-apa perjanjian lain yang dimasuki oleh [Syarikat / Kontraktor] dengan KPTMSB, KPTMSB hendaklah berhak untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis dengan serta merta kepada [Syarikat / Kontraktor] untuk menyatakan sedemikian kepada [Syarikat / Kontraktor].
- b) KPTMSB berhak menuntut daripada [Syarikat / Kontraktor] apa-apa bentuk pampasan, kos, ganti rugi, kerosakan dan perbelanjaan termasuk apa-apa kos perbelanjaan sampingan yang ditanggung oleh KPTMSB akibat daripada penamatan itu.
- c) Pihak-pihak bersetuju bahawa [Syarikat / Kontraktor] tidak berhak kepada apa-apa bentuk kerugian termasuk kerugian perolehan pendapatan, pampasan, ganti rugi, kos, perbelanjaan dan sebagainya akibat daripada penamatan itu”.

****Klausula penamatan di atas telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara.**

Yang Benar,

.....

(Nama dan No. KP _____)

Cop Syarikat :

* Wakil syarikat yang menandatangani bagi pihak syarikat dikehendaki mengemukakan Surat Perwakilan Kuasa (**Lampiran**)

**BORANG PENGISYTIHARAN KENDIRI
KEPATUHAN ANTI-RASUAH (ABMS)**

PENGISYTIHARAN

Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa:

1. Syarikat tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan rasuah atau salah laku berkaitan rasuah oleh mana-mana mahkamah atau oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa lain.
2. Syarikat, pengarah, pemilik, rakan kongsi dan pengurusan tertinggi tidak sedang disiasat, didakwa atau dalam proses perbicaraan bagi kesalahan rasuah.
3. Syarikat mengamalkan prinsip toleransi sifar terhadap rasuah dan komited mematuhi keperluan Anti-Bribery Management System (ABMS) serta undang-undang berkaitan pencegahan rasuah yang berkuat kuasa di Malaysia.
4. Syarikat tidak akan menawarkan, memberi, meminta atau menerima sebarang bentuk suapan, komisen, hadiah, saguhati atau faedah lain yang boleh ditafsirkan sebagai rasuah berkaitan dengan perolehan ini.
5. Syarikat akan memastikan semua pekerja, wakil dan pihak ketiga yang bertindak bagi pihak syarikat mematuhi polisi anti-rasuah.
6. Syarikat bersetuju bahawa sekiranya maklumat yang diberikan adalah palsu, pihak tuan berhak:
 - i. membatalkan sebutharga/tawaran, dan
 - ii. mengambil tindakan sewajarnya.

Saya mengaku bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar.

.....
(Nama dan No. KP _____)

Cop Syarikat:

* Wakil syarikat yang menandatangani bagi pihak syarikat dikehendaki mengemukakan Surat Perwakilan Kuasa (Lampiran)

Cop Syarikat: